

Hadi perjelas pemecatan pegawai Tati

BH 2 JAN 2002

KUALA TERENGGANU, Selasa - Kerajaan Pas Terengganu mendakwa, tindakannya menamatkan kontrak serta merta Ketua Pegawai Eksekutif Institut Lanjutan Teknikal Terengganu (Tati), Dr Mohd Zaki Abdul Muin, bukan langkah terburu-buru.

Menteri Besar, Datuk Seri Abdul Hadi Awang, sebaliknya berkata, keputusan itu diambil selepas Dr Mohd Zaki gagal membaik dan membuat perubahan di institut itu seperti diarahkan.

"Keputusan menamatkan kontrak itu dikeluarkan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) berdasarkan laporan daripada pengu-
rusan kakitangan Tati se-

jak beberapa bulan lalu. "Kita tidak gopoh membuat keputusan. Kita minta dia tamatkan kontrak," katanya kepada pemberita selepas Majlis Angkat Sumpah Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Temptan Negeri Terengganu, di sini hari ini.

Beliau mengulas pemberhentian 24 jam Dr Mohd Zaki kerana didakwa mengingkari arahan Kerajaan Terengganu, termasuk tidak menyerahkan wang ihsan yang disalurkan Kerajaan Pusat ke institusi itu.

Notis pemecatan bertari-
k 27 Disember itu ditan-
datangani Setiausaha Ke-
rajaan Negeri, Datuk

Senara Muda Mazlan Hashim. Salinannya dihan-
tar kepada Pengerusi Tati,
Harun Taib, yang juga Pe-
ngerusi Jawatankuasa Pen-
didikan, Dakwah dan Pe-
laksanaan Syariah negeri
dan Setiausaha Sulit Kanan
Menteri Besar, Mohd
Shalahim Mamat.

Abdul Hadi berkata, tin-
dakan itu bertujuan me-
nyelamatkan Tati daripa-
da pengurusan yang tidak
baik.

"Pemberhentian ini akan
membaiki imej dan kalau
dibiarkan akan turut me-
nyebabkan semangat pen-
syarah menurun. Langkah
ini juga bertujuan menye-
lamatkan imej Tati. Kita
sudah mempunyai calon
berpengalaman dari uni-

versi tempatan bagi me-
ngisi kekosongan itu," ka-
tanya.

Selain Dr Mohd Zaki, Tati
turut memecat Pengurus
Besarnya, Ariffin Moha-
mad, yang dipercayai
membongkar penyelewe-
ngan di institusi itu, ter-
masuk kes dua mesin ber-
harga lebih KM1 juta.

Mengenai pembongkar-
an mesin yang digunakan
oleh sebuah kilang milik
usahawan Cina, Abdul Hadi
berkata, kerajaan negeri
tidak mempunyai sebarang
maklumat dan akan me-
nviyasat dakwaan itu.

"Berhubung kenyataan
Datuk Seri Dr Mahathir
Mohamad yang menyifat-
kan tindakan terhadap Dr
Mohd Zaki itu sesuatu za-

lim, Abdul Hadi berkata:
"Kenyataan Perdana
Menteri itu mendedahkan
tindakan kerajaan Barisan
Nasional menekan kerajaan
Terengganu dari segi ke-
wangan."

Abdul Hadi, yang menga-
kui sudah menerima geran
tahunan RM100 juta dari-
pada Kerajaan Pusat pada
Disember lalu berkata,
walaupun ditekan, kerajaan
negeri dapat mentadbir
dan mengurus kewangan
mengikut proses biasa.

Beliau berkata, Kerajaan
Pusat sepatutnya menya-
lurkan wang ihsan terus
kepada kerajaan Tereng-
ganu, sebelum diagihkan
kepada institusi pengajian
tinggi milik negeri dan
sekolah.